

## Dr Mastura Badzis →

bhniita@bharian.com



**Anda ada masalah dengan anak?**  
 Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhniita@bharian.com.my](mailto:bhniita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.


**Ibu Risau:** Anak pertama saya lelaki berusia 1 tahun 8 bulan, manakala anak kedua, perempuan berusia tujuh bulan. Anak lelaki saya banyak kerenah dan kerap menangis apabila berada dengan saya dan ayahnya, tetapi pandai membawa diri apabila di TASKA atau di tempat lain tanpa kehadiran saya dan suami. Kami terpaksa memberi tumpuan kepada kerana adiknya pandai bermain sendiri. Adakah ini abang ini menangis kerana mahukan perhatian dari kami kerana cemburu dengan adiknya? Lebih membimbangkan, dia juga sukar makan dan kini alami sembelit sehingga berdarah selain kerap menangis apabila membuang air besar.

**A**nak yang berusia dalam lingkungan antara 18 bulan (1 tahun 6 bulan) hingga tiga tahun (36 bulan) dikenali sebagai 'toddler' atau anak tatin dan mereka ini mempunyai ciri-ciri dan tingkah laku yang adalah keunikan tersendiri, perlulah difahami ibu bapa.

Antara cabaran yang biasa dihadapi ibu bapa atau pengasuh dalam membesar dan mendidik anak tatin

# Usah layan

» *Jangan endah kerena anak jadikan tangisan 'senjata' tuntut sesuatu*



termasuklah 'tantrum' (kelangsungan fizikal atau mengamuk) 'kegelilan' dan mahu sentiasa dituruti kehendaknya, merengek, suka berpaut pada orang yang rapat dengannya, mahukan perhatian, tidak mahu makan, mudah bosan, cemburu, sangat sensitif dan mudah kecewa.

Bagi menangani cabaran membesarkan dan mendidik anak tatin ini kefahaman terhadap ciri-ciri semula jadi anak dan apakah keperluannya yang perlu dipenuhi, adalah syarat atau asas utama

demsi membantu dan memberi sokongan kepada si kecil bersesuaian dengan keupayaan dan keperluan individu di samping menggarap potensi tanpa ada unsur tekanan, paksan dan mengikut emosi.

#### Perkara positif

Dengan cara ini, ibu bapa atau pengasuh akan lebih banyak melakukan perkara positif untuk menyokong perkembangan anak. Apabila si anak tatin menunjukkan tingkah laku 'nakal,' dewasa akan lebih tahu bagaimana menunjukkan

respon yang bersesuaian dengan tahap perkembangan dan kebolehnnya.

Apabila proses perkembangan si kecil difahami, orang dewasa akan kurang rasa kecewa atau risau mengenai sesuatu tabiat atau perangai yang ditunjukkan si kecil kerana memahami ia adalah proses perkembangan, dan yang paling penting gejala mendera anak dari segi fizikal

atau emosi akan dapat dilakukan terutama aspek menyebabkan si kecil rasa hilang harga diri.

Tugas utama ibu bapa ialah memastikan anak tatin bersastra selamat dan tenteram dengan menunjukkan kasih sayang tanpa syarat. Makluduhnya kasih sayang yang ditunjukkan kepada anak bukan hanya kerana dia 'berkelakuan baik' malahan sebenarnya sekutu si anak sedang mengamuk dan tidak tentram atau menunjukkan sikap memberontak dan sebagainya, ketika itu lah dia lebih perlulah diperlukan dan ditenteramkan.

Apabila si kecil kurang mendapat perhatian, dia akan merengek dan menangis sebagai cara untuk mendapatkan perhatian ibu bapa atau pengasuhnya. Namun jika ibu bapa sudah

#### INFO

④ **Bantu anak** memahami yang dia tidak akan diberi layanan jika minta sesuatu dengan menangis atau merengek.

⑤ **Setiap hari,** cuba luangkan satu masa khusus untuknya

supaya dia dapat memahami bahawa dirinya disayangi, diperlukan dan diberi perhatian.

⑥ **Beri perhatian** dan pujian kepada dia bila dia 'berkelakuan baik.'

⑦ **Sediakan persekitaran** yang menjadikannya 'sikuk' untuk meneroka dan bermain sehingga dia 'terlupa' untuk mendapatkan perhatian.

⑧ **Ibu bapa** perlu peka antara tangisan

atau tindakan yang menunjukkan dia hanya ingin mendapatkan perhatian dan tangisan yang menunjukkan si kecil benar-benar memerlukan sokongan dan bantuan.



memberikan 'kasih sayang tanpa syarat' berkenaan, tapi anak masih berterusan merengek dan menangis setiap kali bila dia minta dipeluk atau mahukan sesuatu dan kehendaknya itu sentiasa dituruti, itu adalah petanda si kecil sudah terbiasa dengan rengekan dan berasakan cara utama untuknya mendapat sesuatu yang dikehendaknya ialah dengan merengek dan menangis.

**Abai tangisan**  
 Cara terbaik menanganinya adalah dengan tidak mengendahkan tangisannya, kecuali dia melakukan sesuatu yang mengundang bayaha. Ini supaya si kecil dapat mempelajari bahawa cara untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendakinya bukanlah dengan menangis. Sebaliknya berikan pujian dan perhatian kepada dia setiap kali dia meminta diitung atau meminta keinginannya dipenuhi tanpa menangis atau merengek.

Secara semula jadinya, anak tatin memang suka dipeluk, dicium, diberi perhatian dan akan mengambil tahu kehadiran seseorang di sisi. Dalam hal ini, kehadiran 'adik baru' dalam keluarga juga telah memberikan impak kepada kesta ilan emosinya. Justeru, be iakulah adil terhadap anak-anak. Keadilan di sini bukan sekadar dari segi material contohnya jika beli baju pada adik, abang juga dibelikan baju.

**Berlaku adil**  
 Malahan, keadilan dari segi menjaga perasaan dan emosi lebih perlu dititik beratkan kerana secara semula jadinya anak tatin memang sangat sensitif. Seperti yang saya perjelaskan dalam penulisan 1 Mei yang lalu, Rasulullah S.A.W pernah menegur seorang sahabat dan mengatakan dia sudah tidak berlaku adil hanya kerana sahabat tersebut mencium seorang saja anaknya di hadapan baginda dan tidak mencium yang seorang lagi.

Andai anak menghadapi kesukaran untuk buang air besar berilah dia banyak minum air dan makan buah-buahan. Ada kemungkinan juga susu yang diminumnya kurang sesuai dan sebaik-baiknya dapatkanlah nasihat dari pakar perubatan untuk mengatasi masalah ini.